

PNB umum Dividen ASB 3 Didik 5.25 sen

Kuala Lumpur: Kumpulan Permodalan Nasional Bhd (PNB) mengumumkan agihan pendapatan dana unit Amanah Saham Bumiputera 3-Didik (ASB 3 Didik) dan ASN Equity 2 masing-masing pada kadar 5.25 sen seunit dan 2.80 sen seunit.

Bagi unit dana harga tetap ASB Didik 3, agihan itu membabitkan dividen sebanyak 4.85 sen seunit dan bonus 40 sen seunit,

Pemegang unit dana harga berubah ASN Equity 2 pula akan menerima 2.80 sen seunit bersamaan anggaran pulangan pengagihan sebanyak lima peratus berdasarkan Nilai Aset Bersih pada 21 Jun 2019.

Pengerusi Kumpulan PNB, Tan Sri Dr Zeti Aziz, berkata ASB Didik 3 akan memperuntukkan RM323 juta dalam pengagihan pendapatan kepada 292,400 pemegang unit yang kini memegang 6.19 bilion unit.

Dijenamakan semula

“Dana ini dilancarkan dengan nama Amanah Saham Didik (ASBD) pada 2001 dan dijenamakan semula kepada ASB 3 Didik pada tahun lalu.

“Ia menawarkan peluang pelaburan dengan pertumbuhan jangka panjang dan pulangan berpatutan. Ia juga mencatat pendapatan bersih direalisasi RM221 juta daripada dividen dan keuntungan modal,” katanya pada sesi taklimat prestasi separuh pertama Kumpulan di sini, semalam.

Yang turut hadir pada majlis berkenaan, Ketua Eksekutif PNB, Datuk Abdul Rahman Ahmad.

Sementara itu, bagi ASN Equity 2 pula, PNB membuat pembayaran pengagihan pendapatan RM43 juta yang memberi manfaat kepada 32,400 pemegang unit.

“Sehingga 31 Mei lalu, ASN Equity 2 mencatat pendapatan bersih direalisasi sebanyak RM43 juta.

“Dana itu memberikan hasil dividen berpatutan dan peningkatan modal pada tahap risiko yang berpatutan melalui pelaburan dalam portfolio yang dipelbagaikan terutamanya daripada sekuriti ekuiti di negara ini,” katanya.

**Fakta
nombor**

292,400

pemegang unit ASB Didik 3